



UNIT 12 : KERJASAMA DIBERIKAN, KHIDMAT DICURAHKAN

Baca dan fahami catatan diari Ranjini.

22 Ogos
(Sehari sebelum pertandingan)

- Saya berasa bangga apabila sekolah saya menjadi tuan rumah bagi Pertandingan Robotik Peringkat Kebangsaan.
- Saya dan rakan-rakan membantu guru serta pekerja sekolah menghias pentas dan membersihkan dewan.

23 Ogos
(Pada hari pertandingan)

7.00 pagi
Pendaftaran peserta

- Saya dan rakan-rakan yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa (AJK) pendaftaran membantu guru menguruskan pendaftaran peserta.
- Rakan-rakan pengawas yang bertugas sebagai penunjuk arah pula menunjukkan arah dan mengiringi peserta ke tempat pertandingan.

10.00 pagi
Sarapan pagi

- Rakan-rakan yang terlibat sebagai AJK jamuan membantu guru menguruskan makanan dan minuman untuk diagihkan kepada peserta pertandingan.

12.30 tengah hari
Makan tengah hari

- Rakan-rakan yang terlibat sebagai AJK jamuan membantu untuk menyediakan makanan tengah hari kepada juri pertandingan, guru pengiring dan peserta pertandingan.

2.00 petang
Pertandingan diteruskan

- AJK jamuan mengedarkan minuman kepada peserta.
- Saya dan rakan-rakan memberikan sokongan moral kepada pasukan negeri kami.

4.00 petang
Majlis penutupan

- Rakan-rakan yang terlibat sebagai AJK hadiah membantu guru menyusun dan menyediakan hadiah untuk para pemenang.
- Selepas majlis selesai, saya dan warga sekolah mengemas dan membersihkan dewan bersama-sama.
- Kami sangat gembira kerana pertandingan ini berlangsung dengan jayanya hasil kerjasama semua pihak.

Guru dan ahli jawatankuasa pertandingan menguruskan pendaftaran peserta.

AJK jamuan mengedarkan minuman kepada peserta.

Pengawas bertugas menunjuk arah dan mengiringi peserta ke tempat pertandingan.

AJK jamuan menguruskan makanan dan minuman untuk diagihkan kepada peserta pertandingan.

AJK hadiah menyusun dan menyediakan hadiah untuk para pemenang.

Bekerjasama menghias pentas dan membersihkan dewan sebelum hari pertandingan.

Memberikan sokongan moral kepada pasukan negeri.

AJK jamuan menyediakan makanan tengah hari kepada juri, guru pengiring dan peserta pertandingan.

Mengemas dan membersihkan dewan bersama-sama selepas majlis selesai.

Berdasarkan jawapan di atas.

Lengkapkan ilustrasi cara Ranjini dan warga sekolah bekerjasama bagi menjayakan Pertandingan Robotik Peringkat Kebangsaan.

